

BORANG MS 2

**ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

(Seksyen 8(a))

SAMAN

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT
DI NEGERI PULAU PINANG**

SAMAN NO.:

ANTARA

AHMAD BIN ABU
(NO K/P: 123456-07-1234)

PLAINTIF

DENGAN

MINAH BINTI KASIM
(NO K/P: 654321-07-4321)

DEFENDAN

Kepada **MINAH BINTI KASIM (NO. K/P: 654321-07-4321)** (Defendan yang dinamakan di atas) yang beralamat di No 123 Jalan Masjid Negeri, 10450 Georgetown, Pulau Pinang.

Anda dengan ini disaman supaya hadir sama ada sendiri atau melalui Peguam Syar'ie anda di hadapan Mahkamah Rendah Syariah Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang pada hari pada haribulan, 2009 pada pukul pagi/petang, untuk menjawab satu tuntutan terhadap anda oleh Plaintiff yang dinamakan di atas, yang butir-butirnya ada dinyatakan di dalam Pernyataan Tuntutan yang diendorskan di sini.

Ambil perhatian bahawa jika anda ingkar hadir di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan kes tanpa kehadiran anda.

Dan ambil perhatian bahawa jika anda ingin membela diri terhadap tuntutan itu, anda hendaklah menfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintiff suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh tersebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh pada haribulan 2009.

(Meterai)

.....
...
HAKIM / PENDAFTAR

Saman ini difailkan oleh Ahmad Bin Abu, Plaintiff yang beralamat di No 321, Jalan Batu Lancang, 10440, Pulau Pinang.

PERNYATAAN TUNTUTAN

1. Plaintiff, **Ahmad Bin Abu (No K/p : 123456-07-1234)** yang beralamat di No, 321 Jalan Batu Lancang, 10440 Georgetown, Pulau Pinang adalah suami kepada Defendan.

*Disertakan sesalinan Kad Pengenalan Plaintiff di **Lampiran A.***

2. Defendan, **Minah Binti Kasim (No. K/p : 654321-07-4321)** yang beralamat di No 123, Jalan Masjid Negeri, 10450 Georgetown, Pulau Pinang adalah isteri kepada Plaintiff.
3. Plaintiff dan Defendan telah bernikah pada **07hb Januari 2000** di Masjid Negeri, Pulau Pinang berwalikan bapa kandung Defendan.

*Disertakan sesalinan Surat Perakuan Nikah di **Lampiran B.***

4. Sepanjang pernikahan tersebut, Plaintiff dan Defendan telah dikurniakan 2 orang cahayamata.

1. Amin Bin Ahmad 7 tahun
2. Syarifah binti Ahmad 3 tahun

(selepas ini disebut sebagai anak-anak tersebut)

*Disertakan sesalinan Sijil Kelahiran/Mykid anak-anak tersebut di **Lampiran C.***

5. Plaintiff telah berkahwin dengan Defendan atas dasar suka sama suka dan jalan penyelesaian telah diambil seperti berbincang atau bermusyawarah bagi menyelamatkan rumahtangga, namun tidak ada jalan penyelesaian antara kedua belah pihak untuk berbaik semula.
6. Plaintiff ingin memohon kepada Mahkamah Yang Mulia ini bagi membubarkan perkahwinan ini dengan atas alasan berikut :-

